



## **ANUGERAH CENDEKIA BITARA & HADIAH SANJUNGAN UMP 2008**

---

Mulai tahun 2009, UMP ingin mewujudkan dua (2) jenis pengiktirafan iaitu **Anugerah Cendekia Bitara** dan **Hadiah Sanjungan**. Bagi **Anugerah Cendekia Bitara** terdapat **tujuh (7) kategori** manakala bagi **Hadiah Sanjungan**, **enam (6) kategori** ditetapkan.

Tujuh (7) kategori Anugerah Cendekia Bitara adalah seperti berikut:-

- I. Anugerah Cendekia Bitara Kategori Tokoh
- II. Anugerah Cendekia Bitara Kategori Penerbitan (Jurnal)
- III. Anugerah Cendekia Bitara Kategori Penerbitan (Buku)
- IV. Anugerah Cendekia Bitara Kategori Produk Penyelidikan
- V. Anugerah Cendekia Bitara Kategori Kreativiti
- VI. Anugerah Cendekia Bitara Kategori Kualiti
- VII. Anugerah Cendekia Bitara Kategori Paten

Enam (6) kategori Hadiah Sanjungan adalah seperti berikut:-

- I. Hadiah Sanjungan Kategori Penerbitan (Jurnal)
- II. Hadiah Sanjungan Kategori Penerbitan (Buku)
- III. Hadiah Sanjungan Kategori Produk Penyelidikan
- IV. Hadiah Sanjungan Kategori Kreativiti
- V. Hadiah Sanjungan Kategori Kualiti
- VI. Hadiah Sanjungan kategori Paten

### **SYARAT & PERATURAN UMUM**

1. Anugerah Cendekia Bitara dan Hadiah Sanjungan hanya boleh dipohon oleh staf yang masih berkhidmat dengan Universiti Malaysia Pahang dan Felo UMP. **Staf kunjungan tidak layak memohon.**
2. Hanya calon / Pusat Tanggung Jawab (PTJ) yang menerima anugerah / pengiktirafan bagi tempoh **1 Januari 2008 – 31 Disember 2008** layak dipertimbangkan.
3. Calon / PTJ perlu memohon sendiri. Permohonan adalah melalui borang permohonan yang disediakan dan perlu disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab. **Setiap permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan yang berasingan.**
4. Pemohon bertanggungjawab menghantar **borang permohonan yang lengkap** kepada Urusetia Cendekia Bitara, Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Anjung Selatan, Komplek Pentadbiran Utama, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

5. Semua permohonan mestilah disertakan dengan maklumat / dokumen / sijil / bukti yang lengkap. **PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
6. Tarikh tutup permohonan adalah pada **12.00 tengah hari 30 Jun 2009 (Selasa)** **PERMOHONAN YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
7. Calon/ PTJ yang berjaya dalam Anugerah Cendekia Bitara dan Hadiah Sanjungan akan diraikan di Majlis Malam Anugerah Cendekia Bitara 2008.

## **KRITERIA PEMILIHAN & NILAI ANUGERAH / HADIAH**

### **1 KATEGORI TOKOH**

- 1.1 Anugerah Cendekia Bitara bagi kategori ini akan diberikan kepada staf/ felo UMP yang telah menerima anugerah/ pengikhtirafan ketokohan daripada persatuan profesional/ badan berprestij pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa seperti Ijazah Kehormat, Saintis Negara dan lain-lain.
- 1.2 Nilai hadiah Anugerah Cendekia Bitara bagi peringkat **kebangsaan** adalah **RM3,000** dan peringkat **antarabangsa** adalah **RM5,000**.
- 1.3 Tiada Hadiah Sanjungan bagi kategori ini.
- 1.4 Tiada had bilangan anugerah bagi kategori ini.

### **2. KATEGORI PENERBITAN (JURNAL)**

Hanya penerbitan yang menunjukkan afiliasi penulis dengan UMP ketika diterbitkan layak dipertimbangkan.

#### **2.1 Anugerah Cendekia Bitara**

2.1.1 Penerbitan yang terdapat dalam senarai seperti terpamer di laman web [www.ump.edu.my/cendekiabitara](http://www.ump.edu.my/cendekiabitara) layak dipertimbangkan untuk Anugerah Cendekia Bitara. Senarai tersebut boleh berubah dari semasa ke semasa dan ditentukan seperti berikut:-

- Bagi bidang Sains, jurnal yang terdapat dalam *ISI Jurnal Citation Report, Science Edition* terkini telah dibahagikan kepada 170 kategori subjek (dalam lingkungan 6,000 jurnal) dan 20% jurnal teratas (mengikut faktor impak) daripada setiap kategori subjek itu dipilih untuk Anugerah Cendekia Bitara. Sila ambil perhatian bahawa kategori subjek *Psychotogy & Psychiatry* disenaraikan di bawah Sains Sosial.
- Bagi bidang Sains Sosial / Sastera, jurnal yang terdapat *dalam ISI Jurnal Citation Report, Social Sciences Edition* terkini telah dibahagikan kepada 54 kategori subjek (dalam lingkungan 1,700 jurnal) dan 35% jurnal teratas (mengikut faktor impak) daripada setiap kategori subjek itu dipilih untuk Anugerah Cendekia Bitara. Bagi bidang khusus seperti Kesusasteraan, Pengajian Melayu,

Pengajian Islam dan Pengajian Seni Anugerah Cendekia Bitara akan ditentukan berdasarkan senarai jurnal berasingan yang dipaparkan di laman web [www.ump.edu.my/cendekiabitara](http://www.ump.edu.my/cendekiabitara)

- Penerbitan hanya akan dipertimbangkan jika bukti dalam bentuk **OFF PRINT** atau **PRUF GALEI** atau **SURAT PENGESAHAN PENERBIT** disertakan.

2.1.2 Nilai Anugerah Cendekia Bitara adalah sebanyak **RM5,000** bagi setiap penerbitan.

2.1.3 Hanya penyumbang yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP layak menerima Anugerah Cendekia Bitara.

- Jika terdapat penulis bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penulis yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.

2.1.4 Tiada had bilangan anugerah bagi kategori ini.

## 2.2 Hadiah Sanjungan

2.2.1 Penerbitan yang terdapat dalam senarai ISI *Journal Citation Report*, *Scopus* terkini yang tidak berjaya untuk Anugerah Cendekia Bitara layak dipertimbangkan untuk Hadiah Sanjungan seperti berikut:-

- Bagi jurnal bidang Sains, hadiah akan diberikan berdasarkan faktor impak **0.2 dan keatas** mengikut senarai **ISI Journal Citation Report, Science Editon atau Scopus** terkini.
- Bagi jurnal bidang Sains Sosial/ Sastera, hadiah akan diberikan berdasarkan faktor impak yang bukan sifar mengikut **senarai ISI Journal Citation Report, atau Scopus** terkini. Bagi bidang khusus seperti Kesusasteraan, Pengajian Melayu, Pengajian Islam dan Pengajian Seni, sila lihat senarai yang disediakan di laman web [www.ump.edu.my/cendekiabitara](http://www.ump.edu.my/cendekiabitara)

2.2.2 Nilai Hadiah Sanjungan adalah sebanyak **RM1,500** bagi setiap penerbitan.

2.2.3 Had maksimum untuk Kategori Hadiah Sanjungan adalah sebanyak **RM6,000** setiap orang tanpa mengira bilangan penerbitan.

2.2.4 Hanya penyumbang yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP) layak menerima Hadiah Sanjungan.

- Jika terdapat penulis bersama dari dalam atau luar UMP, nilai hadiah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penulis yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.

### 3. KATEGORI PENERBITAN (BUKU)

#### 3.1 Anugerah Cendekia Bitara

- 3.1.1 Staf/ Felo UMP yang mempunyai penerbitan dalam bentuk buku karya asli yang telah memenangi anugerah di peringkat antarabangsa akan dipertimbangkan untuk Anugerah Cendekia Bitara.
- 3.1.2 Nilai Anugerah Cendekia Bitara adalah sebanyak **RM5,000** bagi setiap buku.
- 3.1.3 Hanya penyumbang yang masih berkhidmat dengan UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penulis yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- Jika terdapat penulis bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penulis yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 3.1.4 Tiada had bilangan anugerah bagi kategori ini.

#### 3.2 Hadiah Sanjungan

- 3.2.1 Staf/ felo UMP yang memenangi anugerah peringkat kebangsaan akan dipertimbangkan untuk Hadiah Sanjungan.
- 3.2.2 Nilai hadiah adalah sebanyak **RM3,000** bagi setiap buku.
- 3.2.3 Hanya penyumbang yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP) layak menerima Hadiah Sanjungan.
- Jika terdapat penulis bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penulis yang terlibat. Namun, staf / felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 3.2.4 Tiada had bilangan hadiah bagi kategori ini.

### 4. KATEGORI PRODUK PENYELIDIKAN

#### 4.1 Anugerah Cendekia Bitara

- 4.1.1 Anugerah Cendekia Bitara akan diberi kepada produk penyelidikan yang berjaya:-
- Memperolehi *technology licensing agreement* dalam tahun yang dinilai dengan syarikat yang diiktiraf/ dipersetujui oleh UMP. Sebaiknya syarikat tersebut harus mempunyai *paid-up capital* sekurang-kurangnya RM200,000.
- atau,
- Memenangi pingat emas di pertandingan peringkat antarabangsa.

- 4.1.2 Nilai Anugerah Cendekia Bitara adalah sebanyak **RM5,000** bagi setiap produk penyelidikan. Produk penyelidikan yang layak memenangi Anugerah Cendekia Bitara tetapi memenangi Hadiah Sanjungan sebelum ini akan diberi perbezaan nilai hadiah sahaja.
- 4.1.3 Anugerah yang sama juga akan diberi kepada produk yang memenangi hadiah / pingat khas tambahan pada pameran / pertandingan yang sama.
- 4.1.4 Hanya penyumbang yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP) layak menerima Anugerah Cendekia Bitara.
- Jika terdapat penyelidik bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penyelidik yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 4.1.5 Tiada had bilangan anugerah bagi kategori ini.

## **4.2 Hadiah Sanjungan**

- 4.2.1 Hadiah Sanjungan akan diberi kepada produk yang memenangi pingat (sekain emas di peringkat antarabangsa) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 4.2.2 Pemohon yang menerima pingat berganda bagi produk penyelidikan yang sama hanya layak dipertimbangkan untuk satu Hadiah Sanjungan sahaja dengan mengambil kira nilai yang tertinggi. Sekiranya pemohon pernah memenangi Hadiah Sanjungan bagi produk yang sama, maka baki nilai tertinggi akan diberikan.
- 4.2.3 Nilai Hadiah Sanjungan adalah **RM1,000** untuk pertandingan **di peringkat kebangsaan** dan **RM2,000** untuk pertandingan **di peringkat antarabangsa** bagi produk penyelidikan yang sama.
- 4.2.4 Nilai yang sama juga akan diberi kepada produk yang memenangi hadiah / pingat khas tambahan pada pameran / pertandingan yang sama.
- 4.2.5 Hanya penyumbang yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP) layak menerima Hadiah Sanjungan.
- Jika terdapat penyelidik bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penyelidik yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing
- 4.2.6 Tiada had bilangan hadiah bagi kategori ini.

## 5. KATEGORI KREATIVITI

### 5.1 Anugerah Cendekia Bitara

- 5.1.1 Staf/ felo UMP yang telah memenangi atau menerima pengiktirafan dalam bidang seni dan reka bentuk di peringkat kebangsaan atau antarabangsa layak dipertimbangkan untuk Anugerah Cendekia Bitara.
- 5.1.2 Nilai Anugerah Cendekia Bitara bagi **peringkat kebangsaan** adalah **RM3,000** dan **peringkat antarabangsa** adalah **RM5,000**.
- 5.1.3 Hanya penyumbang yang masih bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan karyawan yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- Jika terdapat penyelidik bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan penyelidik yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 5.1.4 Tiada had bilangan anugerah bagi kategori ini.

### 5.2 Hadiah Sanjungan

- 5.1.1 Staf/ felo UMP yang telah memenangi atau menerima pengiktirafan dalam bidang seni dan reka bentuk di peringkat negeri layak dipertimbangkan untuk Hadiah Sanjungan.
- 5.1.2 Nilai Hadiah Sanjungan adalah sebanyak **RM1,500**.
- 5.1.3 Hanya penyumbang yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP) layak menerima Hadiah Sanjungan.
- Jika terdapat karyawan bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan karyawan yang terlibat. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 5.1.4 Tiada had bilangan hadiah bagi kategori ini.

## 6. KATEGORI KUALITI

### 6.1 Anugerah Cendekia Bitara

- 6.1.1 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) yang telah memenangi anugerah kualiti dalam pertandingan kualiti pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan dipertimbangkan untuk Anugerah Cendekia Bitara bagi kategori ini.
- 6.1.2 Nilai hadiah Anugerah Cendekia Bitara bagi **peringkat kebangsaan** adalah **RM3,000** dan **peringkat antarabangsa** adalah **RM5,000**.
- 6.1.3 Hanya satu anugerah akan diberi bagi usaha yang sama.

## 6.2 Hadiah Sanjungan

- 6.2.1 Hadiah Sanjungan akan dipertimbangkan untuk PTJ telah menerima pensijilan kualiti seperti ISO, GLP, GMP dan pengiktirafan program akademik oleh persatuan profesional/ badan berprestij.
- 6.2.2 Nilai Hadiah Sanjungan bagi setiap jenis sijil/ pengiktirafan adalah **RM1,500**.
- 6.2.3 Hanya satu hadiah sanjungan akan diberikan bagi usaha yang sama.

## 7. KATEGORI PATEN

### 7.1 Anugerah Cendekia Bitara

- 7.1.1 Anugerah Cendekia Bitara akan diberi kepada paten yang diterima (*patent granted*) buat kali pertama penganugerahan **di peringkat antarabangsa** pada tahun yang dinilai.
- 7.1.2 Nilai Anugerah Cendekia Bitara adalah sebanyak **RM5,000** bagi setiap paten yang diterima (*patent granted*).
- 7.1.3 Hanya pemegang paten yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP) layak menerima Anugerah Cendekia Bitara.
- Jika terdapat pemegang paten bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan pemegang paten. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 7.1.4 Tiada had bilangan anugerah bagi kategori ini.

### 7.2 Hadiah Sanjungan

- 7.2.1 Hadiah Sanjungan akan diberi kepada paten yang diterima (*patent granted*) buat kali pertama penganugerahan **di peringkat Kebangsaan** pada tahun yang dinilai.
- 7.2.2 Nilai Anugerah Cendekia Bitara adalah sebanyak **RM1,500** bagi setiap paten yang diterima (*patent granted*).
- 7.2.3 Hanya pemegang paten yang masih berkhidmat dengan UMP (termasuk felo UMP) layak menerima Hadiah Sanjungan.
- Jika terdapat pemegang paten bersama dari dalam atau luar UMP, nilai anugerah akan dibahagikan mengikut jumlah bilangan pemegang paten. Namun, staf/ felo UMP sahaja akan menerima bahagian masing-masing.
- 7.2.4 Tiada had bilangan anugerah bagi kategori ini